

28 JAN 2001

Mahathir-Myanmar

PILIHAN RAYA BOLEH BANTU MYANMAR ATASI KONFLIK DALAMAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke Myanmar baru-baru ini mencadangkan supaya negara itu mengadakan pilihan raya umum dalam beberapa tahun lagi dalam usaha perdamaian di negara itu.

Laporan akhbar Mainichi Daily News hari ini memetik Perdana Menteri sebagai berkata, beliau telah memberitahu demikian kepada Pengerusi Majlis Negara Bagi Kemanan dan Pembangunan (SPDC) yang memerintah Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe semasa lawatannya ke Yangon pada 3 dan 4 Jan.

"Beliau (Than Shwe) sedia mengadakan pilihan raya apabila tiba masanya. Tetapi bukan bermakna pilihan raya itu perlu diadakan tahun ini atau tahun depan. Ia boleh diadakan dalam beberapa tahun lagi," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri ditemubual oleh Ketua Biro Hongkong akhbar Mainichi semasa lawatan kerjanya ke Jepun baru-baru ini. Transkrip temubual itu juga disampaikan kepada Bernama.

Dalam temubual itu, Dr Mahathir juga ditanya sama ada cadangan itu bermaksud Asean kini tidak lagi berpegang kepada dasar tidak campurtangannya.

Dr Mahathir menjawab, negara-negara Asean tidak mahu campurtangan dalam hal ehwal dalaman mana-mana negara tetapi hanya mahu Myanmar menerima demokrasi.

"Kami berpendapat manfaat yang dibawa oleh demokrasi liberal di negara-negara anggota Asean harus didedahkan dan ditunjukkan kepada rakyat dan kerajaan Myanmar, supaya mereka sedar sistem ini baik dan membolehkan negara itu mempunyai kerajaan pilihannya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menjelaskan yang tujuan lawatannya ke Myanmar ialah untuk memperolehi maklumat dan melihat dari dekat keadaan di negara itu.

Beliau berkata, tidak boleh diragui yang kerajaan sekarang di Myanmar berusaha memperbaiki kehidupan rakyatnya.

Ditanya mengenai pandangan beliau akan konflik antara pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan Aung San Suu Kyi dan kerajaan junta tentera, Dr Mahathir berkata ia sesuatu yang tidak boleh diselesaikan melalui konfrontasi.

"Apa yang perlu ialah kepentingan Myanmar diutamakan berbanding kepentingan parti. Dan saya rasa kerajaan Myanmar sekarang sanggup berbincang bersama Suu Kyi untuk mencari penyelesaian bagi Myanmar," kata beliau lagi.

Perdana Menteri yang juga ditanya sama ada beliau akan menjadi perunding bagi kedua-dua pihak berkata, Malaysia telah dilantik oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan, untuk cuba menyelesaikan konflik itu dan baik usaha itu dibiarkan kepada PBB.

Tan Sri Razali Ismail, bekas wakil tetap Malaysia ke PBB, kini merupakan wakil khas PBB ke Myanmar.

-- BERNAMA

HS ZS PR